



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

RAGAM HIAS SELAYAH KERINGKAM DALAM KONTEKS SENI SULAMAN KSSM PENDIDIKAN SENI VISUAL TINGKATAN DUA

AMIRUL REDZUAN BIN SEPINI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

RAGAM HIAS SELAYAH KERINGKAM DALAM KONTEKS SENI SULAMAN KSSM PENDIDIKAN SENI VISUAL TINGKATAN DUA

AMIRUL REDZUAN BIN SEPINI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi


**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**Perakuan ini telah dibuat pada 17.....(hari bulan).....MEI..... (bulan) 2022.....**i. Perakuan pelajar :**

Saya, AMIRUL REDZUAN BIN SEPINI, M20181001130, FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk RAGAM HIAS SELAYAH KERINGKAM DALAM KONTEKS SENI SULAMAN KSSM PENDIDIKAN SENI VISUAL TINGKATAN DUA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. HARLENY BINTI ABD ARIF (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk RAGAM HIAS SELAYAH KERINGKAM DALAM KONTEKS SENI SULAMAN KSSM PENDIDIKAN SENI VISUAL TINGKATAN DUA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

SARJANA PENDIDIKAN (SENI)(SLA NYATAKAN NAMAIJAZAH).17 MEI 2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: RAGAM HIAS SELAYAH KERINGKAM DALAM KONTEKS SENI SULAMAN
KSSM PENDIDIKAN SENI VISUAL TINGKATAN DUA

No. Matrik / Matic's No.: M20181001130
Saya / I : AMIRUL REDZUAN BIN SEPINI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmii 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

DR. HARLENY BINTI ABD ARIF
PENSYARAH KAWAN
JABATAN SENI DAN REKABENTUK
FAKULTI SENI, KOMPUTER DAN INDUSTRI KREATIVE
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 17 MEI 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulilah dengan izinNya dan berkatNya dapatlah disertasi ini disiapkan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Pendidikan (Seni) dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, ucapan setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada penaja tajaan saya iaitu Yayasan Sarawak (Biasiswa YBSTAR) kerana telah membiayai kos sepanjang tempoh pengajian saya. Seterusnya, saya juga bersyukur kerana berjaya mengatasi masalah dan pelbagai kekangan yang timbul sepanjang penyelidikan dijalankan. Semua permasalahan ini menjadikan saya sebagai penyelidik yang mengenal erti kesabaran dalam mencapai sebuah kejayaan.

Setinggi-tinggi ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada Dr. Harleny binti Abd Arif selaku penyelia utama dan Dr. Norakmal binti Abdullah selaku penyelia bersama yang telah banyak memberikan dorongan tunjuk ajar dan kata-kata semangat kepada saya untuk menyiapkan penulisan disertasi ini. Tanpa bimbingan mereka, saya mungkin tidak dapat menyelesaikan pengajian saya.

Selain itu, ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Tokoh Setempat dalam bidang seni sulaman Keringkam seperti Puan Hajah Salbiah binti Muhi dan Cik Zainab binti Muhi, warga kurator muzium daripada Jabatan Muzium Negeri Sarawak seperti Puan Norlailawati binti Ahmad dan Puan Suhana binti Sarkawi selaku penyelidik bebas dalam bidang seni kraf Keringkam yang turut membantu secara langsung atau tidak langsung yang telah menjadi sumber inspirasi saya untuk menjalankan penyelidikan ini.

Seterusnya, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga yang amat disayangi iaitu Sepini bin Mahbu (Ayahanda), Menjenah binti Gidir (Bonda) dan adik beradik yang disayangi tidak putus untuk memberi dorongan dan semangat dalam perjalanan penyelidikan ini. Disamping itu, ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada rakan baik penulis iaitu Azlan bin Razali dan Ellysiana Jemaslin yang banyak memberi pertolongan, dorongan dan sokongan moral semasa menjalankan penyelidikan.

Akhir sekali, sekalung penghargaan dan budi buat semua yang terlibat di Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK) dan Pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sepanjang pengajian saya di sini.





ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji ragam hias Selayah Keringkam dalam konteks seni sulaman yang diperkenalkan dalam Dokumen Standard Sekolah Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) Tingkatan 2. Terdapat tiga objektif dalam penyelidikan ini iaitu mengenal pasti ciri-ciri ragam hias Selayah Keringkam, mengklasifikasikan motif dan reka corak Selayah Keringkam, dan menganalisis aspek ragam hias yang terdapat pada Selayah Keringkam. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan tiga jenis kaedah iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Seramai tiga orang informan dipilih untuk memberi sumber dapatan kajian bagi menjawab persoalan dalam penyelidikan ini. Penyelidik menggunakan teori Apresiasi oleh Edmund Burke Feldman dan pendekatan Estetika oleh Zakaria Ali. Penyelidik telah menggunakan lima sampel penyelidikan iaitu tiga helai tudung Selayah Keringkam dan dua helai selendang Selayah Keringkam. Sampel penyelidikan merupakan koleksi tekstil peribadi Salbiah Muhi dan adiknya Zainab Muhi. Hasil penyelidikan mendapati Selayah Keringkam merupakan seni sulaman popular dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak yang terhasil daripada seni sulaman benang emas yang dikenali sebagai Keringkam. Motif yang paling dominan digunakan adalah motif jenis flora. Antaranya ialah motif bunga mawar, bunga pedada, dan bunga orkid. Kesemua motif yang melalui proses klasifikasi telah dilakar semula dengan lakaran ilustrasi digital menggunakan perisian *Adobe Illustrator CS5*. Secara rumusannya, Selayah Keringkam merupakan seni tekstil yang melambangkan status kemewahan. Ianya merujuk kepada kehalusan sulaman motif dan ketinggian nilai benang Keringkam yang disadur emas dan disulam pada permukaan kain kasa rubia. Diharapkan dengan adanya dokumentasi penyelidikan ini dapat merealisasikan hasrat menjadikan sebagai bahan rujukan dokumen (DSKP) bagi bidang seni sulaman dalam dokumen (KSSM) (PSV) Tingkatan 2.





THE DECORATIVE STYLES OF SELAYAH KERINGKAM IN THE CONTEXT OF EMBROIDERY ART FOR FORM TWO KSSM VISUAL ARTS EDUCATION (PSV)

ABSTRACT

This research aims to study the decorative style of Selayah Keringkam in the context of embroidery art introduced in the School Standard Curriculum and Assessment Document (*DSKP*), Secondary School Standard Curriculum (*KSSM*) for the subject of Form 2 Visual Arts Education (*PSV*). There are three objectives in the research which are to identify the decorative features of Selayah Keringkam, classify the motifs and designs of Selayah Keringkam, and analyze the aspects of decorative patterns found on Selayah Keringkam. This research uses a qualitative approach with three types of methods namely observation, interview and document analysis. A total of three informants were selected to provide sources of research findings to answer the questions in this research. The researcher used the theory of Appreciation by Edmund Burke Feldman and the Aesthetic approach by Zakaria Ali. The researcher have used five research samples, namely three pieces of Selayah Keringkam scarves and two pieces of Selayah Keringkam shawls. The research sample is the personal textile collection of Salbiah Muhi and her sister Zainab Muhi. The research found that Selayah Keringkam is a popular embroidery art among the Malay community in Kuching, Sarawak which results from the art of gold thread embroidery known as Keringkam. The most dominant motif used is the floral motifs. Among them are motifs of roses, mangrove apple flowers, and orchids. All motifs that went through the classification process were re-sketched with digital illustration sketches using Adobe Illustrator CS5 software. In summary, Selayah Keringkam is a textile art that symbolizes the status of luxury. It refers to the fineness of the motif embroidery and the high value of the goldplated Keringkam thread and embroidered on the surface of the swiss voile. It is hoped that the documentation of this research can realize the hope of making it a document reference material (*DSKP*) for the field of embroidery in (*KSSM*) (*PSV*) documents for Form 2.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	XV
SENARAI GAMBAR	xvi
SENARAI SINGKATAN/ SIMBOL/ TATANAMA/ ISTILAH	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Penyelidikan	8
1.3 Pernyataan Masalah	17
1.4 Tujuan Penyelidikan	24
1.5 Objektif Penyelidikan	29
1.6 Persoalan Penyelidikan	29
1.7 Kerangka Konseptual Kajian dan Kerangka Teori Penyelidikan	30
1.7.1 Teori Apresiasi oleh Edmund Burke Feldman	30
1.7.2 Prinsip Estetika oleh Zakaria Ali	31





1.8 Definisi Operasional	33
1.8.1 Sulaman Keringkam	33
1.8.2 Tudung Keringkam	34
1.8.3 Selayah Keringkam dan Selendang Keringkam	34
1.8.4 Motif	34
1.8.5 Benang Pipih atau Benang Keringkam	35
1.8.6 Jarum Pipih	35
1.9 Limitasi Penyelidikan	35
1.9.1 Limitasi Lokasi Penyelidikan	37
1.9.2 Limitasi Sampel Penyelidikan	39
1.9.3 Limitasi Informan Penyelidikan	42
1.10 Kepentingan Penyelidikan	46
1.10.1 Mengekalkan Tradisi Seni Sulaman Keringkam	49
1.10.2 Memperkayakan Teks Khazanah Budaya	50



BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	52
2.2 Kajian Lepas	56
2.3 Masyarakat Melayu di Sarawak	61
2.3.1 Kraf Tangan Melayu Sarawak	63
2.4 Sejarah Sulaman Keringkam	66
2.5 Tekstil Sulaman Keringkam	68
2.6 Motif dalam Tekstil	72
2.6.1 Motif dalam Keringkam	73
2.7 Struktur Kain Keringkam	76
2.8 Alatan dan Bahan Serta Proses Menenun	77





2.8.1 Penggunaan Benang Emas	84
2.8.2 Kain Kasa Rubia	87
2.8.3 Lain-lain Bahan	90
2.9 Penjagaan Tekstil Sulaman Keringkam	93
2.10 Proses Penghasilan Sulaman Keringkam	94
2.10.1 Teknik Kiraan Benang	95
2.10.2 Teknik Kira-Tebuk-Sulam dan Ulang (KTSU)	96
2.10.3 Peringkat Pertama	97
2.10.4 Peringkat Kedua	101
2.10.5 Peringkat Ketiga	103
2.10.6 Peringkat Terakhir	104
2.11 Nilai Estetik	106
2.11.1 Aspek Fungsi	109
2.11.2 Aspek Makna	111
2.12 Falsafah	114
2.13 Susunan Corak Songket	115
2.13.1 Bahagian Songket	116
2.14 Konsep Sains dan Matematik dalam Seni Kraf	116
2.15 Penggarapan Idea, Mentafsir Idea dan Pengaruh dalam Memberi Makna	119
2.15.1 Proses Garapan Idea	120
2.15.2 Proses Mentafsir Idea	122

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan	125
3.2 Pendekatan Penyelidikan	132
3.3 Reka Bentuk Penyelidikan	134





3.4 Kaedah Pengumpulan Data	135
3.4.1 Pemerhatian	136
3.4.2 Temu Bual	141
3.4.3 Analisis Dokumen	148
3.5 Kaedah Verifikasi Data	149
3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	149
3.7 Triangulasi Data	151
3.8 Kesahan Muka dan Kandungan	153
3.9 Instrumen Penyelidikan	154
3.10 Pemindahan Data	155

BAB 4 DAPATAN PENYELIDIKAN

4.1 Pendahuluan	156
4.2 Langkah-langkah Menganalisis Data	161
4.2.1 Mengenal Pasti Ciri-ciri Selayah Keringkam	161
4.2.2 Mengklasifikasikan Motif dan Struktur Reka Corak	163
4.2.3 Menganalisis Ciri-Ciri Ragam Hias	164
4.3 Mengenal Pasti Ciri-ciri Selayah Keringkam Masyarakat Melayu di Kuching Sarawak	166
4.3.1 Sampel Penyelidikan	172
4.3.2 Analisis Ciri-Ciri Setiap Sampel Penyelidikan	181
4.4 Mengklasifikasikan Ragam Hias Selayah Keringkam Masyarakat Melayu di Kuching Sarawak	188
4.4.1 Motif Sisi Kain (Tali Air dan Kacang-Kacang)	189
4.4.2 Struktur Bunga Sudut	191
4.4.3 Struktur Bunga Tabur	194
4.5 Menganalisis Aspek Ragam Hias Selayah Keringkam Masyarakat Melayu di Kuching Sarawak	197





4.5.1 Aspek Halus dalam Selayah Keringkam	198
4.5.2 Aspek Berguna dalam Selayah Keringkam	201
4.5.3 Aspek Berlambang dalam Selayah Keringkam	206
4.5.4 Aspek Bermakna dalam Selayah Keringkam	210
4.6 Kesimpulan	217

BAB 5 KESIMPULAN, SUMBANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	222
5.2 Kesimpulan	224
5.3 Implikasi	230
5.4 Cadangan	232

RUJUKAN 235



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Perbezaan Istilah Sulaman Kelingkan Mengikut Negeri	4
1.2 Limitasi Lokasi	36
2.1 Analisis Alatan digunakan untuk Menyulam Sulaman Keringkam	78
2.2 Analisis Bahan digunakan dalam Sulaman Keringkam	82
2.3 Analisis Warna Fabrik Sampel Penyelidikan	89
2.4 Analisis Proses dan Teknik dalam Penghasilan Sulaman Keringkam	96
2.5 Analisis Struktur Tepi Kain Sulaman keringkam	99
2.6 Analisis Struktur Bunga Sudut pada Sampel Penyelidikan	102
3.1 Kaedah Pengumpulan Data	147
4.1 Kaedah Menganalisis Data Objektif Penyelidikan Pertama	162
4.2 Kaedah Menganalisis Data Objektif Penyelidikan Kedua	164
4.3 Kaedah Menganalisis Data Objektif Penyelidikan Ketiga	165
4.4 Analisis usia Sampel Penyelidikan	173
4.5 Struktur Kain pada Sampel Penyelidikan	175
4.6 Analisis Motif dan Reka Corak pada Sampel Penyelidikan	178
4.7 Analisis Motif Sampel Penyelidikan	186
4.8 Analisis Struktur Kain	189
4.9 Analisis Motif Selayah Keringkam (Struktur Sisi Kain)	190
4.10 Lakaran Ilustrasi Digital Motif Sampel Penyelidikan (Struktur Sisi Kain)	190
4.11 Analisis Motif Selayah Keringkam (Struktur Bunga Sudut)	192
4.12 Lakaran Ilustrasi Digital Motif Sampel Penyelidikan (Struktur Bunga Sudut)	193





4.13	Analisis Motif Selayah Keringkam (Struktur Bunga Tabur)	195
4.14	Lakaran Ilustrasi Digital Motif Sampel Penyelidikan (Struktur Bunga Tabur)	195
4.15	Analisis Aspek Halus dalam Selayah Keringkam	198
4.16	Analisis Aspek Berguna dalam Selayah Keringkam	203
4.17	Analisis Aspek Berlambang dalam Selayah Keringkam	206
4.18	Analisis Aspek Bermakna dalam Selayah Keringkam	211





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Prinsip Estetika oleh Zakaria Ali	31
1.2 Reka Bentuk Penyelidikan	32





SENARAI GAMBAR

No.Gambar	Muka Surat
2.1 Peta Sarawak	62
2.2 Selendang Keringkam	69
2.3 Selayah Keringkam	70
2.4 Motif dalam Selayah Keringkam	74
2.5 Struktur Kain Selayah Keringkam	76
4.1 Lakaran Ilustrator Digitsl Ukuran dan Saiz Selayah Keringkam	170
4.2 Lakaran Ilustrator Digital Ukuran dan Saiz Selendang Keringkam	171
4.3 Selendang Keringkam (K1)	181
4.4 Selayah Keringkam (K2)	182
4.5 Selendang Keringkam (K3)	183
4.6 Selayah Keringkam (K4)	184
4.7 Selayah Keringkam (K5)	185
4.8 Cara Peragaan Selayah Keringkam oleh Tokoh Setempat Keringkam	202
4.9 Cara Peragaan Selendang Keringkam oleh Tokoh Setempat Keringkam	202





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Topik seni kraf sulaman sudah diperkenalkan dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 2 bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) pada tahun 2018. Seni kraf sulaman merupakan topik di bawah bidang seni kraf.

Fokus utama yang terkandung dalam standard kandungan bagi seni kraf sulaman ini ialah pemahaman terhadap seni sulaman dalam bidang seni kraf. Hal ini diiringi dengan beberapa proses di mana murid akan melakukan eksplorasi dan aplikasi teknik seni sulaman bagi pengukuhan pemahaman terhadap prinsip asas sulaman. Seterusnya, murid dapat menzahirkan idea dan konsep melalui pelbagai sumber dan teknologi dalam penjanaan tugasan. Akhir sekali, setelah mempelajari topik ini, murid dapat menghayati hasil produk seni sulaman dengan menggunakan bahasa seni visual.





Topik ini diperkenalkan di sekolah dilihat sebagai salah satu usaha yang positif untuk memberi pendedahan berkaitan dengan khazanah negara yang terhasil daripada seni kraf tangan tradisional kita bermula dari lapisan murid sekolah lagi. Usaha ini akan menjadi lebih baik seandainya sesi pembelajaran dan pengajaran (PDP) berkaitan dengan topik ini memperkenalkan Tajuk 8: Seni Kraf Sulaman di bawah bidang Seni Kraf secara meluas dalam aspek kandungan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) di sekolah menengah (Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran: Pendidikan Seni Visual Tingkatan 2, 2016).

Seterusnya, penyelidikan ini akan berfokuskan kepada sukanan pelajaran seni sulaman itu sendiri. Dalam mata pelajaran PSV Tingkatan 2 telah memperkenalkan topik seni kraf tradisional seni sulaman. Sukanan pelajaran berkaitan dengan seni kraf sulaman di Tingkatan 2 ini mengetengahkan beberapa objektif utama.



Antaranya ialah selepas proses PDP dijalankan, murid dapat menjelaskan prinsip asas, jenis, alatan, bahan dan teknik seni kraf sulaman. Selain itu, murid juga akan membuat eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan dan teknik berdasarkan kefahaman terhadap prinsip penghasilan seni sulaman.

Seterusnya, murid akan menterjemahkan hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan alatan, bahan dan teknik berdasarkan kefahaman terhadap penghasilan produk seni sulaman. Proses ini akan melibatkan murid dengan menggunakan daya imaginasi dan idea secara kreatif. Akhir sekali, murid akan mempamerkan, menghayati dan menjelaskan pengalaman sendiri dalam menghasilkan produk seni sulaman.





Sebagai tambahan dalam penyelidikan ini, Tajuk 1: Pakaian Tradisional dan Perhiasan Diri yang diperkenalkan dalam standard kandungan KSSM PSV Tingkatan 3 turut disisipkan dalam penyelidikan ini. Hal ini kerana fokus kajian adalah merujuk kepada produk yang terhasil daripada seni kraf sulaman itu sendiri. Produk tekstil dimaksudkan adalah Selayah dan selendang Keringkam yang merupakan hasil daripada kerja-kerja sulaman benang emas atau dikenali sebagai benang Keringkam.

Tekstil ini sangat popular dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Selayah Keringkam juga dikategorikan sebagai pakaian tradisional bagi kaum wanita di Sarawak. Teknik peragaan tekstil Selayah Keringkam ini digunakan untuk menutupi bahagian kepala wanita sehingga paras bahu dan sebagai pelengkap kepada busana baju kurung tradisional wanita Melayu.



aspek budaya kemasyarakatan dan menghargai seni kraf tradisional. Penyelidik telah memilih masyarakat Melayu sebagai fokus utama dalam penyelidikan. Setiap negeri di Malaysia mempunyai pelbagai lapisan masyarakat. Namun, masyarakat paling utama ialah masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu juga dikatakan mempunyai kekayaan hasil seni kraf tradisional.

Merujuk kepada seni kraf sulaman di Malaysia, sulaman yang menggunakan bahan seperti benang emas merupakan salah satu hasil seni kraf tradisional yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu. Namun, hanya beberapa buah negeri sahaja di Malaysia yang menghasilkan seni sulaman berdasarkan benang emas ini. Kemudian, negeri-negeri tersebut juga dikatakan mempunyai perbezaan dan keunikan tersendiri bagi proses penghasilan produk daripada sulaman benang emas.





Hanya empat buah negeri di Malaysia sahaja telah menghasilkan sulaman benang emas ini. Namun, terdapat beberapa perbezaan di antara negeri tersebut dalam penghasilan sulaman benang emas. Perbezaan yang paling ketara di antara seni sulaman negeri-negeri tersebut ialah dari aspek istilah yang digunakan. Perkara ini dapat dilihat menerusi jadual berkaitan dengan istilah-istilah sulaman benang emas mengikut setiap negeri.

Masyarakat Melayu juga sering kali dikaitkan dengan hasil seni sulaman. Merujuk kepada buku Muzium Tekstil Negara (2012), sulaman benang emas atau dikenali sebagai Kelingkan atau Keringkam merupakan satu daripada kategori seni sulaman yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu dari zaman dahulu sehingga kini. Antara negeri yang menghasilkan sulaman kelingkan ini ialah negeri Kelantan, Selangor, Terengganu dan Sarawak. Penjelasan ini boleh dilihat menerusi Jadual 1.1

berikut berkaitan dengan perbezaan istilah sulaman kelingkan mengikut negeri.



Jadual 1.1

Perbezaan Istilah Sulaman Kelingkan Mengikut Negeri (Muzium Tekstil Negara, 2012)

Negeri	Istilah
Kelantan dan Selangor	Kelingkan
Terengganu	Terekam
Sarawak	Keringkam





Penyelidikan yang dijalankan ini adalah memfokuskan kepada seni sulaman benang emas atau dikenali sebagai sulaman Keringkam. Sulaman Keringkam ini merupakan sulaman benang emas atau Keringkam yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Terdapat dua jenis tekstil yang terhasil daripada sulaman Keringkam iaitu Selayah dan selendang Keringkam. Pemilihan kepada fokus penyelidikan ini dilihat sebagai usaha penyelidik dalam memperkenalkan dengan lebih mendalam mengenai Selayah dan selendang Keringkam Sarawak. Penyelidikan ini juga berkaitan dengan proses pembelajaran dan pengajaran topik seni kraf sulaman yang diperkenalkan dalam subjek PSV Tingkatan 2.

Sebagai sisipan, penyelidikan ini akan memperkenalkan Selayah dan selendang Keringkam menjurus kepada pengenalan pakaian tradisional dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Kemudian akan menjadi rujukan tambahan bagi topik pakaian tradisional dan perhiasan diri dalam KSSM Tingkatan 3.

Dari aspek penggayaannya pula terdapat sedikit perbezaan. Selayah Keringkam digunakan sebagai penutup di bahagian kepala sehingga paras bahu. Manakala selendang Keringkam pula berfungsi sama seperti tekstil selendang yang lain (Maimunah Daud, 2000).

Menurut Salbiah (2019), terdapat beberapa perbezaan antara Selayah Keringkam dan selendang Keringkam. Perbezaan di antara Selayah dan selendang Keringkam adalah dilihat dari segi bentuk dan saiz. Selayah Keringkam mempunyai bentuk segi empat tepat. Kemudian saiz bagi Selayah Keringkam pula adalah lebih kecil berbanding dengan selendang Keringkam. Manakala selendang Keringkam pula mempunyai ukuran yang panjang seakan-akan ukuran selendang biasa.



Ukuran bagi kedua-dua jenis tekstil keringkam juga berbeza. Berikut merupakan ukuran yang terperinci bagi Selayah Keringkam. Selayah Keringkam mempunyai saiz ukuran 55 sentimeter lebar dan 95 sentimeter panjang yang digunakan untuk menutup bahagian kepala sehingga ke bahu pemakai. Manakala selendang Keringkam pula mempunyai ukuran saiz 77 sentimeter lebar dan 158 sentimeter panjang. Selendang Keringkam kebiasaannya digunakan untuk menutup bahagian kepala sehingga ke bahagian pinggang (Salbiah 2019).

Sulaman Keringkam ini dihasilkan dengan menggunakan bahan seperti benang yang bersadur emas atau perak. Terdapat juga istilah lain bagi benang emas ini dalam kalangan penenun sulaman Keringkam. Istilah benang tersebut ialah benang pipih atau benang Keringkam (Suhana Sarkawi, 2020).



05-4506832



Penggunaan benang pipih yang bersadur emas atau perak menjadikan seni

Kraf sulaman Keringkam ini bernilai tinggi kerana nilai selembar benang Keringkam itu



tbupsi

sendiri sudah mencecah ratusan ringgit. Bahan benang pipih dalam sulaman Keringkam ini memperlihatkan bahawa seni kraf sulaman Keringkam sebuah hasil kraf yang istimewa dan unik bagi melambangkan warisan budaya masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak.

Selain itu, proses menyulam motif pada sulaman Keringkam masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak juga dilihat unik berbanding dengan sulaman kelingkan dari negeri-negeri lain. Keunikan dapat dilihat daripada proses sulaman beberapa motif yang dipilih berdasarkan motif yang dikehendaki dan diminati oleh penyulam dan pengguna atau pelanggan yang terdiri daripada motif flora dan fauna.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Kemudian, motif tersebut akan disulam pada permukaan kain dasar. Kain dasar ini dinamakan sebagai kain kasa rubia. Kain kasa rubia ini merupakan kain utama dalam penghasilan sulaman Keringkam yang menjadi simbolik kepada tekstil Selayah Keringkam selain daripada penggunaan benang emas bagi sulaman Keringkam di negeri Sarawak. Sifat kainnya yang mempunyai utas dan serat benang yang jarang memudahkan proses menyulam menggunakan benang emas.

Sebagai tambahan, penyulam juga tidak akan membuat sebarang lakaran motif pada permukaan kain kasar kerana penyulam akan mengikut utas dan serat benang pada kain kasa rubia untuk menentukan bentuk motif yang akan disulamkan. Teknik ini dikenali sebagai teknik kiraan benang (Salbiah 2019).

Dari segi fungsi tekstil sulaman Keringkam, Selayah Keringkam mempunyai keunikan tersendiri. Pada zaman dahulu, golongan wanita akan memperagakan diri mereka dengan memakai selendang apabila menghadiri majlis-majlis khas. Majlis-majlis khas ini merujuk kepada majlis perkahwinan dan majlis rasmi lain.

Berbeza dengan kaum wanita di Sarawak, mereka akan mengenakan Selayah dan selendang Keringkam sebagai pakaian tradisional. Hal ini dianggap sebagai pelengkap kepada pemakaian baju kurung tradisional. Namun, budaya memperagakan tudung Selayah Keringkam ini hanya dapat ditemui di negeri Sarawak dan negara Brunei sahaja (Maimunah Daud, 2000).

Namun begitu, terdapat beberapa permasalahan dilihat yang menyumbang kepada terhadnya pengenalan kepada seni kraf sulaman Keringkam dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Penghasilan sulaman Keringkam pada masa kini semakin terhad penemuannya. Secara tidak langsung, permasalahan ini telah memberi kesan





terhadap pengeluaran komersial tekstil Keringkam. Malah terdapat segelintir adiguru sulaman Keringkam yang masih bergiat aktif dalam menghasilkan sulaman Keringkam pada masa kini. Hakikatnya, masalah ini juga berpunca daripada pewaris mahupun generasi baharu yang masih enggan meneruskan seni warisan sulaman Keringkam pada masa kini.

Selain itu, menurut Suhana Sarkawi menerusi petikan akhbar Harian Metro (2019), terdapat beberapa faktor yang menjurus kepada terhadnya aktiviti komersial pada masa kini dalam usaha memperkenalkan sulaman Keringkam. Antaranya ialah kerja-kerja penghasilan sulaman Keringkam bersifat kecil-kecilan dan rumit.

Ujar Suhana lagi, kerja-kerja menyulam sulaman Keringkam ini memerlukan ketekunan dan fokus yang tinggi kerana ia amat rumit dan memerlukan ketelitian dalam menyulam menyebabkan kerja sebagai penyulam serta pewaris budaya itu kurang diminati dalam golongan generasi muda pada masa kini.

1.2 Latar Belakang Penyelidikan

Guru memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat semasa proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan. Menjurus kepada bidang seni kraf tradisional yang terkandung dalam DSKP KSSM mata pelajaran PSV di sekolah menengah lebih menekankan kepada proses penghasilan dan penglibatan dalam kalangan murid sekolah.





Topik seni sulaman merupakan topik di bawah bidang seni kraf tradisional dalam (KSSM) dilihat suatu usaha bagi memperkenalkan dengan lebih terperinci bidang seni kraf sulaman kepada murid sekolah.

Seni sulaman merupakan seni membuat hiasan motif dengan menggunakan kemahiran tangan atau mesin. Seni kraf sulaman juga dihubungkaitkan dengan hasil kerja yang penuh dengan kreativiti dan nilai estetik yang tersendiri. Penghasilan sulaman ini mempunyai ciri-ciri yang unik seperti kehalusan dan ketelitian terhadap sulaman motif yang dihasilkan. Sebagai tambahan, istilah bagi orang yang menghasilkan seni kraf sulaman ini dipanggil sebagai adiguru.

Merujuk kepada masyarakat zaman dahulu, kebiasaannya penghasilan hasil kraf tradisional ini dilakukan secara manual. Proses secara manual ini merujuk kepada kemahiran penyulam menghasilkan kerja sulaman dengan menggunakan kerja-kerja tangan. Mereka menyulam dengan menggunakan alatan dan bahan tradisional secara teliti dengan menggunakan tenaga manusia.

Pada masa yang sama, mereka hanya akan fokus kepada satu produk sehingga produk tersebut disiapkan. Proses penghasilan secara manual ini mengambil masa yang lebih lama. Tetapi, hasil daripada ketelitian dan kehalusan kerja-kerja tangan mereka telah menghasilkan sebuah produk yang kemas, berkualiti dan menarik.

Kini, setanding dengan arus pemodenan telah mengubah beberapa keadaan terhadap dunia penghasilan seni kraf tradisional. Dengan adanya teknologi yang serba maju telah mewujudkan mesin-mesin yang canggih. Antaranya ialah mesin sulaman





yang maju dapat menghasilkan dalam pelbagai motif yang lebih menarik dengan kuantiti yang banyak dalam jangka masa pendek.

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian etnik dan kaum. Kaum Melayu merupakan kaum yang utama di Malaysia. Melihat kepada aspek tekstil dan seni kraf tradisional iaitu pakaian tradisional dan perhiasan diri, masyarakat Melayu seringkali dikaitkan dengan pakaian kebangsaan. Sebagai contoh baju Melayu dan baju kurung antara pakaian tradisional yang paling utama dalam masyarakat Melayu.

Masyarakat Melayu juga sinonim dengan hasil-hasil seni kraf tangan seperti seni kraf sulaman, tenunan, batik dan ukiran kayu. Dalam Penulisan buku Siti Zainon Ismail (1998) berjudul Tekstil Tenunan Melayu, beliau menyatakan bahawa;



“Tekstil Melayu dapat diertikan sebagai hasil kraf tangan yang dipakai oleh kelompok masyarakat Melayu, sebagai bahan kelengkapan pakaian harian atau dalam acara adat. Kain pula merupakan istilah umum yang digunakan bagi merujuk makna pola sarung atau jenis tekstil yang dihasilkan melalui teknik tenunan atau disungkit (Kain Songket)” (ms. 3)

Selain itu, tekstil Melayu ini juga merujuk kepada kain-kain tenunan yang dihasilkan oleh orang Melayu yang merangkumi seluruh penduduk peribumi Melayu Nusantara dan penduduk serumpun. Pakaian kebangsaan merujuk kepada kain sarung, kain samping, selendang dan kain istiadat merupakan tekstil yang digunakan dan diperagakan oleh golongan raja-raja, bangsawan dan rakyat jelata sejak zaman dahulu lagi (Muzium Tekstil Negara, 2012).



Tekstil sulaman Keringkam juga merupakan hasil seni sulaman benang emas atau dikenali sebagai Keringkam pernah dimartabatkan oleh golongan diraja pada suatu ketika dahulu. Produk Keringkam yang diperagakan oleh kaum wanita itu sendiri telah disukai sehingga berjaya dimartabatkan oleh golongan isteri diraja. Merujuk perkara tersebut, Ranee Margaret yang merupakan isteri kepada Charles Brooke telah memberi sumbangan besar dalam meningkatkan status sulaman Keringkam. Maklumat daripada Pameran Galeri Ranee Margaret Sarawak, terdapat banyak koleksi tekstil sulaman Keringkam. Koleksi yang paling bernilai dimiliki oleh beliau adalah tudung Keringkam Sarawak. Hal ini membuktikan bahawa Ranee Margaret mempunyai hubungan erat dengan masyarakat Melayu khususnya penenun sulaman Keringkam pada masa tersebut.

Merujuk kepada sulaman Keringkam, pakaian songket dalam kalangan gadis

Melayu di Sarawak tidak akan lengkap jika mereka tidak memperagakan Selayah atau selendang Keringkam. Selayah atau selendang Keringkam dijadikan sebagai pelengkap bagi busana baju kurung kaum wanita Melayu di Sarawak. Sesuai dengan fungsi tekstil sulaman Keringkam ini iaitu menutupi bahagian kepala menjadi pelindung kaum wanita apabila sudah mengenakan busana yang lengkap seperti baju kurung.

Pada zaman dahulu, Selayah mempunyai kedudukan yang istimewa dalam adat istiadat orang Melayu Sarawak pada zaman dahulu yang dikatakan menjadi suatu kewajiban dalam sesebuah keluarga memiliki Selayah Keringkam. Pemilikan Keringkam ini dikatakan menjadi sebuah budaya dalam kalangan masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak pada zaman dahulu.



Selain daripada budaya yang wajib memiliki Selayah dan selendang Keringkam dalam setiap keluarga, kraf Keringkam ini juga mempunyai fungsinya tersendiri. Kaum wanita Melayu akan menggunakan Selayah atau selendang Keringkam dalam menghadiri upacara atau majlis.

Kegunaan lain juga merujuk kepada adat istiadat perkahwinan. Masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak menggunakan Keringkam ini sebagai suatu simbolik semasa majlis perkahwinan. Dalam majlis perkahwinan pihak pengantin lelaki perlu menyediakan Keringkam sebagai salah sebuah barang hantaran semasa majlis perkahwinan. Budaya ini menjadi pelengkap semasa majlis perkahwinan menunjukkan tekstil sulaman Keringkam menjadi sebuah simbolik kepada masyarakat Melayu di Sarawak.



Menurut informan, mereka masih lagi menerima tempahan selendang dan Selayah Keringkam bagi kegunaan majlis perkahwinan. Tetapi, faktor kepada kenaikan harga benang Keringkam menjadi penyumbang kepada penurunan jumlah permintaan tekstil Keringkam. Malah ada yang menggunakan perkhidmatan menyewa semata-mata untuk memperagakan busana Keringkam semasa majlis perkahwinan.

Fokus penyelidikan adalah untuk mengkaji produk tekstil sulaman Keringkam iaitu Selayah dan selendang Keringkam masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Masyarakat Melayu Kuching, Sarawak mulai menduduki di sekitar kawasan tebingan sungai yang juga merupakan lokasi yang paling ramai didiami oleh masyarakat Melayu. Lokasi paling utama dalam penghasilan sulaman Keringkam ialah Kampung Tanjung, Kampung Sinjan dan Kampung Ajibah Abol atau juga dikenali sebagai





Kampung Nombor. Pada masa kini, penenun Keringkam di lokasi-lokasi tersebut masih lagi bergiat aktif dalam penghasilan sulaman Keringkam.

Nilai estetika dan keagungan sulaman Keringkam ini terletak pada ragam hias tekstil Selayah dan selendang Keringkam. Kemewahan dan estetika sulaman Keringkam ini bergantung kepada kreativiti kerja sulaman motif dan reka corak yang berasaskan benang Keringkam pada Selayah dan selendang Keringkam. Terutamanya apabila penyulam menjalankan proses menyusun dan membuat reka bentuk motif dan corak sulaman Keringkam pada kain dasar iaitu kain kasa rubia. Kain kasa rubia yang berkualiti tinggi telah menyerikan lagi nilai kemewahan pada Selayah dan selendang sulaman Keringkam.

Malah, keunikan juga dapat dilihat bagaimana penyulam memperoleh sumber idea untuk menyulam motif pada sulaman Keringkam. Sumber ilham untuk menghasilkan motif dan reka corak motif juga mempunyai hubungkait dengan persekitaran kediaman penyulam sulaman Keringkam.

Berdasarkan temu bual bersama informan, kebanyakan motif yang digambarkan pada sulaman Keringkam ini dipengaruhi oleh unsur-unsur alam semula jadi. Hal ini kerana mereka hanya mendapat ilham daripada benda-benda yang terdapat di sekeliling rumah mereka. Tempat tinggal penyulam juga merujuk kepada sekitar kawasan tebingan sungai. Tambahan lagi sekitar kawasan tersebut masih lagi dipenuhi dengan tumbuh-tumbuhan alam semula jadi.

Penyelidikan yang berkaitan dengan seni kraf sulaman Keringkam masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak ini adalah terhad penemuannya. Penyelidik sukar untuk mendapatkan maklumat dalam bentuk bahan rujukan dan dokumentasi untuk





menjalankan penyelidikan ini. Tambahan lagi apabila penyelidikan yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menambahkan sumber rujukan kepada bidang seni kraf sulaman dan bidang pakaian tradisional dan perhiasan diri dalam proses Pembelajaran dan Pengajaran (PDP) bagi subjek PSV Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 di sekolah menengah.

Namun, terdapat beberapa penyelidikan yang telah dibuat oleh beberapa penyelidik berkaitan dengan seni kraf sulaman di Malaysia. Antara penyelidikan yang berkaitan dengan sulaman kelingkan dapat dilihat menerusi kajian daripada Suhana Sarkawi dan Norhayati Ab. Rahman (2016). Kajian mereka adalah mengkaji perbandingan di antara seni kraf sulaman Kelingkan di Malaysia dengan Kelingkan di Indonesia menerusi kajiannya bertajuk *Jejak Sulaman Kelingkan di Malaysia*.



Pengaplikasian Teknik Keringkam ke Atas Kepelbagai Material turut dilakukan dan mempunyai hubungkait dengan penyelidikan yang dijalankan ini. Kajian daripada Muhamad bin Zakaria ini adalah menekankan kepada aspek teknik-teknik yang terdapat pada sulaman Keringkam.

Penyelidikan tentang teknik ini adalah untuk melihat keberkesanan beberapa teknik untuk membentuk atau menghasilkan motif sulaman Keringkam Melayu di Sarawak. Maklumat daripada penyelidikan ini disisipkan ke dalam aspek penghasilan sulaman Keringkam dan pengkajian motif dalam penyelidikan sebenar.

Kajian lain yang berkaitan dengan seni kraf sulaman Keringkam ini ialah daripada Norhasliyana Hazlin Zainal Amri. Kajian beliau yang bertajuk *The Art Of Kelingkan Embroidery As A Catalyst For The Development Of The Creative Industry*.





Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Norhasliyana ini, beliau telah mengkaji tentang proses sulaman kelingkan di tiga buah negeri.

Antara tiga buah negeri tersebut ialah Kelantan, Selangor dan Sarawak. Kajian tersebut berfokuskan kepada faktor-faktor yang menyebabkan penyulam daripada tiga buah negeri ini menggunakan proses dan teknik penghasilan kelingkan yang berbeza. Merujuk kepada penyelidikan ini dapat membantu penyelidik untuk memahami proses dan teknik penghasilan sulaman kelingkan berpandukan ketiga buah negeri yang terdapat di Malaysia.

Selain itu, penyelidik mendapati sumber rujukan penyelidikan berbentuk video turut ditemui. Namun, masih terhad penemuannya. Hal ini kerana masih belum ramai yang menggunakan platform ini sebagai tempat untuk berkongsi maklumat berkaitan dengan bidang seni sulaman Keringkam khususnya. Video yang berbentuk temu bual itu telah dimuatnaik dalam pautan *Youtube*.

Video yang telah dimuatnaik oleh pihak Perpustakaan Awam (Pustaka) Negeri Sarawak pada tahun 2019 pada platform *Youtube* merupakan tayangan video pengkajian berkaitan dengan seni sulaman Keringkam. Di dalam video tersebut terkandung proses temu bual di antara pihak Pustaka dan salah seorang tokoh sulaman Keringkam di Kuching, Sarawak.

Perkongsian maklumat daripada tokoh itu adalah bermula daripada latar belakang beliau menceburi bidang sulaman Keringkam sehinggahal pengalaman terkini beliau yang sudah hampir 40 tahun pengalaman sebagai penyulam sulaman Keringkam. Beliau juga berkongsi, penggunaan alatan dan bahan tradisional semasa proses sulaman Keringkam. Di dalam video tersebut juga ada menyatakan bahawa





beliau telah menghasilkan sendiri jarum pipih. Jarum pipih yang dihasilkan daripada bahan logam dan digunakan sebagai sulaman benang Keringkam.

Secara rumusannya, dengan adanya penyelidikan ini dapat dijadikan suatu usaha membantu memberi sumbangan terutamanya kepada pihak sekolah khususnya bagi memperkenalkan seni kraf sulaman kaum setempat yang murid sekolah perlu tahu. Selain itu dapat memberi sumbangan kepada bahan pembelajaran serta menambah rujukan terhadap topik seni kraf sulaman di bawah bidang Seni kraf dalam DSKP KSSM PSV Tingkatan 2. Hal ini sejajar dengan tujuan utama yang diperkenalkan dalam bidang ini yang diketengahkan dalam sukatan iaitu pemahaman terhadap seni kraf dan penghayatan bagi hasil seni kraf.

Sebagai tambahan, penyelidikan ini dapat membantu sebagai bahan rujukan semasa proses pembelajaran dan pengajaran (PDP) bagi topik pakaian tradisional dan perhiasan diri. Selayah dan selendang Keringkam juga merupakan salah sebuah tekstil sulaman Keringkam yang dikategorikan sebagai pakaian tradisional. Topik pakaian tradisional dan perhiasan diri ini telah diperkenalkan dalam DSKP KSSM PSV Tingkatan 3. Hal ini sejajar dengan tujuan utama bidang ini diketengahkan dalam sukatan DSKP KSSM Pendidikan Seni Visual Tingkatan 3 iaitu berupaya melahirkan murid yang boleh menghargai serta melestarikan warisan kebangsaan.

Penyelidik juga tidak terlupa dengan lapisan masyarakat yang ingin mengenali seni kraf sulaman Keringkam masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Diharapkan dengan adanya hasil daripada penulisan penyelidikan ini dapat menjadi rujukan kepada penyelidik masa akan datang. Usaha ini secara tidak langsung dapat mengekalkan khazanah negara.





1.3 Pernyataan Masalah

Topik seni sulaman di bawah bidang seni kraf telah diperkenalkan dalam sukanan pelajaran KSSM bagi mata pelajaran PSV Tingkatan 2. Pembelajaran dan pengajaran (PDP) seni kraf ini bertujuan untuk mendedahkan kepada murid sekolah dengan lebih mendalam berkaitan dengan seni kraf sulaman. Namun, seni kraf sulaman yang diperkenalkan adalah bersifat umum.

Terdapat banyak seni sulaman yang dihasilkan oleh masyarakat setempat. Antaranya adalah seni sulaman Keringkam. Sulaman Keringkam yang merupakan hasil seni sulaman yang kaya dengan fungsi, alatan dan bahan serta teknik penghasilan yang tersendiri. Dengan adanya pengetahuan seni kraf sulaman Keringkam serba sedikit dapat menyumbang kepada proses pembelajaran dan pengajaran dalam topik seni sulaman masyarakat setempat.

Selain itu, penyelidik melihat kepada pembelajaran dan pengajaran (PDP) bagi mata pelajaran PSV dalam topik pakaian tradisional dan perhiasan diri dilihat sebagai satu usaha yang baik dalam memperkenalkan khazanah negara kita pada zaman yang serba moden ini.

Tekstil daripada hasil sulaman Keringkam merupakan salah satu hasil seni kraf tradisional yang sangat popular suatu ketika dahulu. Malah, sulaman ini merupakan antara khazanah negara yang mempunyai nilai yang tinggi dari segi produk kraf tradisional. Namun, usaha itu tidak akan menyeluruh apabila penyelidik mendapati pengenalan berkaitan seni tradisi masyarakat setempat tidak kesemuanya diperkenalkan dalam proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah.





Sememangnya, seni tradisi yang terdapat di Sarawak adalah kaya dan banyak serta ada yang belum dikenali dan diterokai oleh masyarakat tempatan itu sendiri. Kebanyakan hasil seni tradisi yang didapati di Sarawak merupakan hasil seni kraf yang popular suatu ketika dahulu. Terdapat juga antara seni kraf yang dihasilkan masyarakat tempatan telah dimartabatkan oleh golongan diraja semasa zaman penjajahan. Oleh itu, penyelidik melihat perkara ini perlu diperkenalkan dan diwujudkan bahan rujukan terutamanya bermula dari lapisan murid sekolah sehingga lah penyelidik yang akan datang.

Permasalahan kajian yang dihujah adalah hasil tinjauan dan analisis daripada bahan-bahan rujukan berbentuk dokumentasi serta penyelidikan yang lepas. Melalui kajian tinjauan yang bertajuk Tinjauan Masalah Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual oleh Mohd. Aizat Bin Abu Hassan (2018) telah memberi penerangan berkaitan dengan implikasi pengetahuan guru opsyen dan bukan opsyen dalam sesi PDP di sekolah.

Berdasarkan kajian tersebut, mendapati bahawa kekurangan bilangan guru opsyen dan kurang pengalaman mengajar telah menimbulkan masalah dalam kalangan guru di sekolah. Proses PDP akan merosot disebabkan masalah yang dihubungkaitkan dalam penyelidikan tersebut.

Berbalik dengan penyelidikan sebenar, penyelidik melihat isu kurangnya pengetahuan yang mendalam ini akan menjadi permasalahan terhadap PDP bagi mata pelajaran PSV. Apabila guru mata pelajaran PSV khususnya tidak mempunyai pengetahuan yang menyeluruh berkaitan dengan pembelajaran seni kraf misalnya akan menyumbang kepada masalah kurang pendedahan yang terperinci berkaitan dengan seni sulaman. Murid hanya mempelajari seni kraf sulaman yang sedia ada





yang terkandung di dalam buku teks. Namun, guru mata pelajaran PSV itu sendiri perlu bijak dan kreatif dalam mempelbagaikan ilmu berkaitan seni sulaman. Langkah yang perlu dilakukan adalah menghubungkaitkan seni kraf tradisional yang dihasilkan oleh masyarakat setempat.

Masalah ini berlarutan apabila guru itu sendiri mempunyai kurang pengetahuan dalam bidang seni kraf masyarakat setempat. Faktor lain pula disebabkan oleh bahan rujukan yang berkaitan dengan seni kraf sulaman tradisional adalah terhad penemuannya. Guru juga terpaksa mengajar dengan hanya berpandukan buku teks dan bahan rujukan sedia ada untuk PDP bidang seni kraf ini. Mereka hanya dapat menerangkan secara lisan, penulisan nota dan pembelajaran yang berasaskan teori sahaja. Akhirnya, hasil PDP akan memberi kesan kepada kualiti dalam menyampaikan dan memperkenalkan bidang seni kraf secara menyeluruh kepada murid bagi mata



Menjurus kepada guru opsyen bagi mata pelajaran PSV amatlah penting dalam subjek itu sendiri. PDP akan menjadi lebih menyeronokkan di samping ilmu yang disampaikan akan tepat berbanding dengan guru yang mengajar bukan opsyen. Sebagai contoh, kemahiran dan bakat dalam sesebuah topik mata pelajaran PSV memerlukan penyampaian yang tepat daripada guru itu sendiri. Oleh itu, dalam kajian yang dilakukan ini sangat wajar dititikberatkan kerana tidak lagi timbulnya masalah guru yang mengajar PSV di sekolah.

Di sekolah, murid-murid perlu diberi peluang untuk membolehkan mereka mengenal pengetahuan hasil-hasil seni dan kraf, kemahiran dan nilai-nilai murni dalam proses PDP bagi mata pelajaran PSV (Kementerian Pendidikan 2002). Jika masalah yang dihadapi ini tidak mendapat perhatian dari pihak yang berkenaan, maka akan





mengakibatkan kesan tidak langsung kepada perkembangan kognitif, fizikal, kreativiti, persepsi, sosial dan emosi murid-murid.

Selain itu, masalah kekurangan bahan rujukan berkaitan dengan seni kraf sulaman Keringkam dan pakaian tradisional dan perhiasan diri bagi masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak masih lagi terhad penemuannya. Walaupun penduduk di Sarawak mempunyai banyak etnik namun hanya terdapat beberapa etnik sahaja diketengahkan dan didokumentasikan.

Terutamanya dalam usaha ingin memperkenalkan seni kraf dalam kalangan murid sekolah, menjadi permasalahan apabila bahan rujukan masih lagi terhad penemuannya. Murid hanya berpandukan kepada bahan sedia ada di samping penerangan secara verbal daripada guru mata pelajaran PSV.



Penyelidik juga mendapati permasalahan terhadap beberapa penerbitan bahan bacaan adalah diterbitkan pada tahun yang terlalu lama dan tidak sesuai dijadikan rujukan pada masa kini. Bahan bacaan yang sedia ada merupakan bahan bacaan yang sudah lama usianya.

Permasalahan ini akan menyumbang kepada pengenalan berkaitan sulaman Keringkam yang terhad kerana penyampaian maklumat berkaitan dengan seni kraf tradisional di Sarawak terutamanya sulaman Keringkam adalah tidak lengkap. Secara tidak langsung akan menjadi permasalahan kepada murid untuk membuat rujukan dalam mengenali sulaman Keringkam.





Selain itu, merujuk kepada proses kerja-kerja seni kraf sulaman Keringkam di Sarawak itu sendiri turut mempunyai permasalahan. Menurut Doris Hilda (dalam kajian Muhammad, 2015) penglibatan generasi baharu dalam mempelajari seni sulaman Keringkam amatlah berkurangan. Keringkam merupakan salah satu hasil kraf tradisional yang sudah lama wujud dalam masyarakat Melayu di Sarawak. Namun, bagi mereka yang tidak pernah mengenalinya menganggap Keringkam ini merupakan hasil seni kraf sulaman yang bersifat kontemporari.

Faktor lain menyumbang kepada kurangnya penglibatan generasi pada masa kini adalah disebabkan oleh proses penghasilan sulaman Keringkam. Difahamkan proses untuk menghasilkan sebuah tekstil sulaman Keringkam ini adalah terlalu rumit dan juga mengambil masa yang lama untuk disiapkan (Salbiah, 2019). Hasil kerja yang rumit disebabkan penyulam terpaksa menyulam benang Keringkam dengan teknik yang betul untuk menghasilkan ragam hias motif dan reka corak pada Selayah dan selendang sulaman Keringkam.

Proses penghasilan atau komersial produk Keringkam ini amat terhad. Hal ini disebabkan oleh bilangan pengusaha sulaman Keringkam amat berkurangan pada masa kini. Menurut salah seorang informan lagi, pekerjaan menyulam ini agak perlahan dan memerlukan tempoh masa yang lama untuk disiapkan.

Perkara yang dititikberatkan dalam kalangan penyulam ialah kualiti pada hasil sulaman benang Keringkam itu sendiri. Permasalahan inilah yang menyebabkan kurangnya minat dalam diri generasi muda untuk menceburi bidang seni kraf sulaman Keringkam.





Maka dengan adanya penyelidikan ini dijalankan sekurang-kurangnya dapat memupuk minat generasi muda dalam mempelajari bidang seni sulaman Keringkam selepas ini. Penyelidikan ini lebih berfokuskan kepada seni kraf sulaman yang menekankan kepada aspek kajian motif dan penghasilan dapat menambah pengetahuan bagi aspek tersebut.

Selain itu, pengenalan kepada pakaian tradisional dan perhiasan diri juga diterapkan kerana tekstil sulaman Keringkam ini merupakan salah satu pakaian tradisional bagi kaum wanita dalam melengkapkan busana tradisional mereka.

Permasalahan berkaitan dengan penemuan bahan rujukan berbentuk dokumentasi turut menyumbang dalam permasalahan kajian. Merujuk kepada artikel dan sumber daripada Perbadanan Kemajian Kraf Tangan Cawangan Negeri Sarawak

(2011), mendapati bahawa bahan dokumentasi terhadap bidang seni kraf sulaman Keringkam masih lagi terhad penemuannya. Bahan dokumentasi yang ditemui hanyalah mengetengahkan aspek pengenalan asas berkaitan dengan seni sulaman Keringkam. Malah, penerbitan bahan rujukan dan dokumentasi yang ditemukan adalah tempoh yang sudah lama.

Sebaliknya, bahan rujukan bagi masyarakat setempat terutamanya etnik Iban banyak dan mudah didapati. Sebagai contoh buku yang bertajuk Pua, Identiti dan Budaya Masyarakat Iban yang ditulis oleh Noria Tugang (2014) dari Universiti Malaysia Sarawak. Buku ini memfokuskan adalah kepada ritual kain pua dalam masyarakat dan budaya Iban di Sarawak, khasnya masyarakat Iban di Sri Aman.





Penulisan daripada buku ini adalah berkisar tentang ketelitian dari segi makna simbolik dan kepentingan ritual-ritual pembuatan kain pua dalam masyarakat iban. Selain itu, penggunaan kain pua dalam ritual-ritual, terutamanya ritual gawai , turut diperbincangkan. Tanpa penggunaan kain pua dalam ritual, maka upacara atau ritual tidak akan sempurna. Sumber rujukan seperti ini amat perlu diketengahkan supaya memberi sumbangan kepada topik pakaian tradisional dan perhiasan diri dalam sukatan pembejalaran KSSM Tingkatan 3.

Penyelidik memandang serius tentang permasalahan ini kerana kekurangan sumber rujukan berbentuk dokumentasi menjadi salah satu faktor dalam usaha memperkenalkan seni kraf sulaman Keringkam khususnya kepada murid sekolah. Begitu juga kepada pelajar-pelajar di peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA & IPTS) mahupun penyelidik akan datang.



Aspek lain yang dinilai dalam permasalahan penyelidikan ialah kurangnya minat dalam kalangan generasi muda untuk menceburi bidang seni sulaman Keringkam. Menurut penyelidikan daripada Nur Azimah Zaini (1996) beliau menyatakan bahawa perkembangan seni Keringkam ini adalah terlalu minima dari aspek teknik, produk dan eksplorasi bahan. Berdasarkan pernyataan tersebut dapat dapat disimpulkan bahawa perkembangan dalam penghasilan ini berkait rapat dengan faktor kurangnya minat generasi muda yang ingin mempelajari seni Keringkam dalam bentuk yang lebih berinovasi.

Penyelidikan ini lebih berfokuskan kepada proses PDP bermula daripada mata pelajaran PSV Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 telah menerapkan kepada pengetahuan dan pengukuhan secara menyeluruh dalam bidang seni kraf sulaman khususnya sulaman Keringkam. Dengan adanya penyelidikan ini maka generasi muda dapat





didedahkan berkaitan dengan pengenalan, ciri-ciri, alatan dan bahan, proses penghasilan dan falsafah dan makna secara terperinci dengan adanya penyelidikan ini. Setelah memperoleh maklumat daripada penyelidikan ini, mereka akan dapat menghasilkan sesuatu yang berinovasi serta dapat melakukan penambahbaikan terhadap seni sulaman Keringkam.

Secara rumusnya, penyelidikan ini dapat menyelesaikan segala permasalahan kajian yang telah disenaraikan. Penyelidikan ini juga dapat memberi sumbangan dalam menambahkan bahan rujukan, dokumentasi dan bacaan berkaitan dengan bidang seni kraf sulaman.

Selain itu, turut disisipkan dengan pengetahuan yang menyeluruh dalam bidang pakaian tradisional dan perhiasan diri dalam mata pelajaran PSV di sekolah

menengah. Guru juga dapat merujuk kepada penyelidikan ini untuk menyampaikan ilmu berkaitan dengan sulaman Keringkam masyarakat setempat dalam sesi PDP mereka. Bahan maujud seperti ini dapat meningkatkan lagi penyampaian maklumat secara berkesan kepada kalangan murid sekolah.

1.4 Tujuan Penyelidikan

Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengkaji aspek ragam hias Selayah Keringkam dalam konteks seni sulaman yang terkandung dalam DSKP bagi mata pelajaran PSV Tingkatan 2. Sejarah dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia bagi tahun 2013- 2025 telah memperkenalkan beberapa aspirasi dan anjakan yang telah diwujudkan.





Merujuk kepada sebelas anjakan yang diperkenalkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), terdapat satu daripada anjakan tersebut telah menjadi fokus terhadap penyelidikan ini. Anjakan yang dimaksudkan adalah anjakan yang ketiga iaitu melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai.

Berdasarkan anjakan tersebut, sebagai penyelidik ingin memperbanyak bahan rujukan terutamanya berkaitan dengan kebudayaan melalui mata pelajaran PSV di sekolah. Hasrat pihak kementerian menerusi anjakan yang ketiga ini adalah supaya murid lebih memahami tentang nilai-nilai perpaduan. Selain itu, murid juga akan mengamalkan kehidupan harian dengan penerimaan individu bangsa, agama dan etnik.

Penyelidikan ini diharap dapat membantu dalam proses memperkenalkan hasil khazanah seni kraf sulaman budaya masyarakat setempat yang semakin dilupai iaitu merujuk kepada Selayah Keringkam masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Namun, fokus utama adalah terhadap rujukan berbentuk dokumentasi dalam Pendidikan khususnya mata pelajaran PSV di sekolah menengah berkaitan dengan bidang seni kraf sulaman Keringkam.

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengkaji aspek ragam hias yang terdapat pada Selayah Keringkam dalam konteks seni kraf sulaman masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Selayah Keringkam dikategorikan sebagai produk tekstil yang terhasil daripada proses sulaman dengan menggunakan benang Keringkam yang diusahakan oleh masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak.





Terdapat juga jenis lain dalam tekstil sulaman Keringkam yang dipanggil sebagai Selendang Keringkam. Namun, Selayah Keringkam antara produk tekstil sulaman Keringkam yang popular digunakan oleh kaum wanita Melayu di Kuching, Sarawak.

Selain itu, Selayah dan Selendang Keringkam juga merupakan pakaian tradisional bagi kaum wanita masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Pemakaian salah satunya menjadi pelengkap kepada busana pakaian tradisional wanita iaitu baju kurung tradisional. Tambahan lagi, fokus penyelidikan ini sangat sesuai diterapkan kerana ia juga terkandung dalam sukanan pembelajaran DSKP KSSM PSV Tingkatan 3 di bawah topik Pakaian Tradisional dan Perhiasan Diri. Dengan adanya penyelidikan ini, dapat memberi sumbangan dan rujukan bagi guru-guru dalam proses PDP mereka di sekolah.



Sebanyak lima helai tekstil yang terdiri daripada Selayah dan selendang Keringkam telah menjadi sampel dalam penyelidikan ini. Kesemua tekstil tersebut merupakan koleksi peribadi milik salah seorang informan kajian iaitu Puan Hajah Salbiah binti Muhi yang juga merupakan tokoh setempat dalam bidang sulaman Keringkam di Kuching, Sarawak. Penyelidik telah diberi kebenaran dan kepercayaan untuk menggunakan tekstil peribadi milik informan tersebut untuk dijadikan sampel penyelidikan bagi menjawab segala persoalan dalam penyelidikan ini.

Merujuk kepada sukanan pembelajaran DSKP KSSM PSV bagi topik seni kraf sulaman Tingkatan 2, proses PDP lebih menjurus kepada aspek pemahaman dalam bentuk teori berkaitan dengan seni kraf sulaman. Kemudian diikuti dengan proses penghasilan dan mengaplikasikan pengetahuan yang telah dipelajari untuk



menghasilkan produk sulaman. Akhir sekali, murid akan menghayati dan membuat apresiasi berkaitan dengan produk mereka.

Penyelidik lebih memfokuskan kepada pengenalan ciri-ciri pada Selayah Keringkam itu sendiri. Pada tujuan pertama iaitu mengenal pasti ciri-ciri Selayah Keringkam. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui tentang ciri-ciri pada kain Selayah Keringkam yang lebih menjurus kepada aspek tersurat pada kesemua sampel penyelidikan. Antaranya ialah pengenalan kepada Selayah Keringkam, jenis Selayah dan selendang Keringkam, dan motif yang terdapat pada Selayah Keringkam. Selain itu, penyelidik juga memfokuskan kepada alatan dan teknik penghasilan setelah memperkenalkan tentang ciri Selayah Keringkam.

Selain itu, pengkajian motif dan reka corak turut diterapkan dalam penyelidikan ini. Penyelidik akan lebih meneliti tentang jenis-jenis motif dan reka corak yang terdapat pada setiap struktur sampel penyelidikan.

Tujuan yang kedua, iaitu mengklasifikasikan motif dan reka corak yang terdapat pada Selayah Keringkam. Penyelidik akan mengklasifikasikan kesemua motif yang terdapat pada sampel penyelidikan. Motif-motif diklasifikasikan adalah motif yang pada struktur-struktur kain pada sampel kajian.

Sepanjang proses menganalisis tujuan penyelidikan yang kedua ini, kesemua motif dan reka corak yang dikumpul akan melalui proses lakaran digital dengan menggunakan perisian *Adobe Illustrator CS6*. Tujuannya adalah untuk mendapatkan gambaran dengan lebih jelas berkaitan dengan kajian motif dan reka corak.

Ketiga pula ialah, penelitian terhadap aspek ragam hias pada Selayah Keringkam. Tujuan ketiga adalah merujuk kepada ragam hias yang terdapat pada Selayah Keringkam. Ia lebih terperinci dalam penyelidikan berkaitan dengan ragam hias motif dan reka corak. Penyelidik menganalisis berkaitan dengan makna dan falsafah terhadap sampel penyelidikan secara menyeluruh. Penghasilan sulaman Keringkam terutamanya Selayah Keringkam mempunyai makna di sebaliknya. Namun ia lebih menjurus kepada motif dan fungsi tekstil itu sendiri.

Dengan adanya penyelidikan ini dapat membantu guru-guru untuk memperkenalkan elemen ragam hias Selayah Keringkam kepada murid sekolah. Pengetahuan tentang ragam hias Keringkam ini masih banyak yang perlu diketahui. Seni kraf sulaman Keringkam inilah merupakan warisan kesenian yang dimartabatkan oleh lapisan masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak yang perlu diketengahkan. Selain itu, diharapkan penyelidikan ini dapat diterima sebagai bahan rujukan atau khazanah seni yang dilihat sebagai satu usaha untuk mengekalkan warisan seni dalam kalangan masyarakat terutamanya murid sekolah.

Penyelidikan ini juga bertujuan untuk mempertahankan warisan Selayah Keringkam kemudian diterapkan dalam sesi PDP bagi mata pelajaran PSV di sekolah menengah. Diharapkan penyelidikan ini dapat memberi pengetahuan yang lebih mendalam berkaitan dengan kajian ragam hias seperti yang dinyatakan dalam DSKP KSSM PSV Tingkatan 2 yang mengetengahkan pengenalan terhadap seni sulaman. Selain itu, dijadikan sisipan kepada topik pakaian tradisional dan perhiasan diri yang dipelajari semasa di Tingkatan 3. Akhirnya, dapat menambahkan lagi bahan rujukan dalam bentuk dokumentasi berkaitan dengan pengkajian ragam hias Selayah Keringkam.



1.5 Objektif Penyelidikan

Untuk kefahaman yang lebih mendalam bagi penerokaan ragam hias Selayah Keringkam masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak, penyelidik akan mengkaji dan meneroka ragam hias Keringkam masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak untuk mencapai objektif berikut;

1. Mengenal pasti ciri-ciri Selayah Keringkam masyarakat Melayu di Kuching Sarawak.
2. Mengklasifikasikan jenis-jenis motif yang terdapat dalam Selayah Keringkam masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak.
3. Menganalisis aspek ragam hias Selayah Keringkam masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak.



1.6 Persoalan Penyelidikan

Semasa menjalankan penyelidikan, terdapat beberapa persoalan kajian yang perlu dikaji. Antaranya adalah seperti berikut;

1. Bagaimanakah ciri-ciri Selayah Keringkam masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak?
2. Apakah jenis-jenis motif dan struktur reka corak Keringkam di Kuching, Sarawak?
3. Apakah aspek ragam hias yang terdapat dalam Selayah Keringkam masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak?



1.7 Kerangka Konseptual Kajian dan Kerangka Teori Penyelidikan

Penyelidikan ini memfokuskan kepada ragam hias yang terdapat pada Selayah Keringkam dalam masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Terdapat dua teori yang digunakan oleh penyelidik untuk membuat kebolehpercayaan data-data daripada dapatan penyelidikan.

Antara teori yang dirujuk di dalam penyelidikan ini ialah teori Apresiasi yang diasaskan oleh Edmund Burke Feldman. Pendekatan yang dirujuk oleh penyelidik pula ialah Pendekatan Prinsip Estetika oleh Zakaria Ali.


1.7.1 Teori Apresiasi oleh Edmund Burke Feldman

Edmund Burke Feldman (1994) berpendapat bahawa kita perlulah mengelak dari konflik semasa membuat kritikan. Misalnya, kita tidak perlu membuat kritikan pada kerja-kerja sendiri mahupun rakan atau orang lain. Sebaliknya, kita perlu membuat perhubungan di mana akhirnya dapat mewujudkan kritikan yang adil dan saksama.


Berdasarkan teori Apresiasi oleh Edmund Burke Feldman, terdapat 4 langkah atau proses semasa membuat kritikan seni iaitu deskripsi, analisis, interpretasi dan pertimbangan. Dengan empat langkah ini penyelidik akan menganalisis kesemua data yang dikumpul semasa menjalankan kajian lapangan.

1.7.2 Prinsip Estetika oleh Zakaria Ali

Semasa menjalankan penyelidikan berkaitan dengan estetika Melayu pula, terdapat enam prinsip yang perlu diberi perhatian. Enam prinsip ini amat penting dalam bidang kajian seni di Alam Melayu dan dijadikan landasan untuk menyelesaikan kajian terhadap seni kraf tradisional dalam masyarakat Melayu. Menurut Zakaria Ali menerusi bukunya bertajuk Seni dan Seniman (1989) prinsip-prinsip tersebut adalah seperti berikut;



Rajah 1.1. Prinsip Estetika oleh Zakaria Ali



Rajah 1.2. Reka Bentuk Penyelidikan. Sumber adaptasi daripada Teori Apresiasi dan Pendekatan Prinsip Estetika



Rumusannya, gabungan keseluruhan teori dan pendekatan yang diterangkan merupakan senarai pendekatan yang akan dijadikan panduan dalam menyelesaikan dan menjawab persoalan yang diketengahkan oleh penyelidik. Dalam membuat huraian berkaitan kajian ragam hias sulaman Keringkam dalam masyarakat Melayu di Sarawak terhadap motif dan reka corak serta struktur dan reka bentuk kain ini akan terjawab melalui teori yang dipilih.

1.8 Definisi Operasional

Bahagian ini akan menerangkan beberapa konsep-konsep dan istilah yang digunakan dalam penyelidikan ini. Definisi operasional juga membantu penyelidik dalam memahami setiap konsep, prinsip, idea dan gagasan yang terdapat di dalam bab ini.



1.8.1 Sulaman Keringkam

Sulaman Keringkam merupakan seni kemahiran menyulam yang menjadi milik turun temurun masyarakat Melayu di Sarawak. Selain itu juga, Keringkam adalah kraf tangan yang luar biasa dari orang Melayu Sarawak yang menggabungkan corak yang indah ke dalam pembentangan budaya yang bermaklumat.





1.8.2 Tudung Keringkam

Merupakan tudung tradisional Sarawak dan digunakan oleh golongan wanita Melayu tempatan. Tudung Keringkam ini diperbuat daripada teknik sulaman pada kain yang halus dengan menggunakan benang kasar dan benang emas. Tudung Keringkam ini terbahagi kepada dua jenis iaitu Selayah dan Selendang.

1.8.3 Selayah Keringkam dan Selendang Keringkam

Selayah Keringkam biasanya berfungsi sebagai tudung yang menutup dari bahagian kepala ke bahu. Selendang Keringkam pula dipakai dari bahagian kepala sehingga ke paras pinggang (Kamil Salem, 2006).



1.8.4 Motif

Motif merupakan gambaran visual atau imej yang menjadi ragam hias kepada corak sesuatu permukaan fabrik yang berfungsi untuk mengindahkan, mencantikkan dan menambah nilai pada sesuatu fabrik. Pengulangan motif yang menghasilkan corak mempunyai pengaruh yang penting bagi menentukan ciri dan fungsi sesuatu tekstil, di samping memainkan peranan yang penting dalam menghiasi tekstil (Haziyah Hussin, 2006). Menurut Teuku Iskandar (1970), unsur utama dalam penghasilan ragam hias dan menjadi dasar kepada ragam hias sesuatu permukaan fabrik adalah motif.





1.8.5 Benang Pipih Atau Benang Keringkam

Istilah ini merupakan istilah bagi jenis-jenis benang yang digunakan semasa penghasilan Selayah Keringkam. Terdapat pelbagai jenis benang yang digunakan. Namun, para penenun menggunakan benang Keringkam sebagai istilah bagi benang emas yang digunakan. Benang Keringkam merupakan benang yang disadur emas dan bersaiz sedikit lebar berbanding dengan benang lain.

1.8.6 Jarum Pipih

Jarum pipih merupakan istilah jarum yang digunakan semasa menyulam benang Keringkam. Jarum pipih mempunyai fungsi yang sama seperti jarum-jarum yang lain. Perbezaannya dapat dilihat pada saiz lubang untuk memasukkan benang Keringkam. Permukaan lubang yang besar adalah sesuai digunakan untuk memasukkan benang Keringkam. Sekaligus saiznya yang sedikit besar berbanding dengan jarum lain. Selain itu, jarum pipih yang bersaiz besar juga bertujuan untuk memudahkan proses dan teknik sulaman benang Keringkam. Teknik ini dipanggil teknik tikam tembus pada permukaan kain kasa rubia.

1.9 Limitasi Penyelidikan

Terdapat beberapa limitasi atau batasan dalam penyelidikan ini. Berdasarkan Jadual 1.2 menerangkan tentang limitasi lokasi dalam penyelidikan ini. Pertama sekali, penyelidik akan merujuk kepada lokasi penghasilan sulaman (Selayah dan selendang)





Keringkam iaitu di Kuching, Sarawak. Keduanya ialah penyelidikan ini merujuk kepada sampel kajian yang merujuk kepada Selayah dan selendang Keringkam. Ketiga, limitasi penyelidikan terhadap beberapa informan yang telah dipilih. Ketiga-tiga limitasi ini dipilih berdasarkan kesesuaian terhadap tujuan penyelidikan bagi menjawab segala persoalan dalam penyelidikan. Berikut merupakan senarai limitasi lokasi, informan dan sampel;

Jadual 1.2

Limitasi Lokasi

Bil	Jenis Limitasi	Senarai
1.	Lokasi	<p>Kampung No.5 Jalan Ajibah Abol 93400 Kuching Sarawak</p> <p>Muzium Tekstil Sarawak Bangunan Pavillion, Jalan Tun Abang Haji Openg, 93566 Kuching, Sarawak.</p>
		<p>Jabatan Muzium Sarawak Jalan P Ramlee 93400 Kuching, Sarawak.</p>
2.	Informan	<p>Puan Norlailawati Binti Ahmad Penolong Kurator Jabatan Muzium Sarawak</p> <p>Puan Suhana Binti Sarkawi Penyelidik Bebas dan Pegawai Tadbir Jabatan Muzium Sarawak</p> <p>Puan Salbiah Binti Muhi Cik Zainab Binti Muhi</p> <p>Tokoh Setempat Sulaman Keringkam</p>
3.	Sampel	<p>Tiga Helai Selayah Keringkam</p> <p>Dua Helai Selendang Keringkam</p>



1.9.1 Limitasi Lokasi Penyelidikan

Batasan kajian yang ditetapkan oleh penyelidik hanyalah memfokuskan kepada masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Lokasi kajian yang dipilih adalah Kampung No.5 Jalan Ajibah Abol Kuching. Penyelidik telah menjalankan kajian rintis terhadap lokasi yang dipilih. Hasil daripada temu bual dan pembacaan mendapati bahawa lokasi kajian ini merupakan salah satu tempat yang aktif menjalankan sulaman Keringkam. Perkampungan ini juga masih lagi mempunyai tokoh setempat yang menjalankan aktiviti sulaman Keringkam. Mereka juga merupakan pewaris daripada turun temurun nenek moyang yang menyulam Keringkam.

Kampung No. 5 Jalan Datuk Ajibah Abol merupakan sebuah lokasi di mana tempat kediaman informan yang berlatarbelakangkan tokoh setempat dalam bidang sulaman Keringkam. Lokasi ini juga merupakan il kawasan penduduk Melayu di Kuching, Sarawak yang giat menjalankan hasil Selayah Keringkam pada suatu ketika dahulu. Namun, pada masa kini masih terdapat lagi beberapa pewaris bagi penghasilan Selayah Keringkam. Tetapi, bilangan generasi baharu yang masih menghasilkan Selayah Keringkam adalah terhad penemuannya. Malah, segelintir anak-anak mereka tidak lagi meneruskan legasi dalam perusahaan Selayah Keringkam.

Menurut sebuah penulisan daripada Kamil Salem (2002), lokasi ini iaitu kawasan sekitar tebingan sungai (Kampung Ajibah Abol kini) merupakan kawasan yang didiami oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Jika melihat pernyataan tersebut, masyarakat Melayu akan mendiami kawasan yang mudah untuk menjalankan kegiatan harian seperti bercucuk tanam, menangkap ikan serta menjadikan sungai sebagai laluan utama untuk bergerak.

Kegiatan penghasilan kraf tidak juga kurang hebatnya. Golongan wanita masyarakat Melayu pada masa tersebut juga rajin menjalankan aktiviti kraf dan salah satunya adalah kraf sulaman Keringkam. Masyarakat Melayu dikatakan kaya dengan peragaan tekstil. Bahan yang digunakan untuk menyulam agak mudah didapati. Mereka mendapatkan bahan secara langsung daripada pembekal luar yang sering berdagang di kawasan ini.

Aktiviti menyulam giat dilakukan oleh golongan wanita di sekitar kawasan tersebut. Masyarakat Melayu yang kaya dengan perayaan dan kenduri-kendara membuatkan golongan wanita gemar memperagakan diri mereka dengan alatan dan perhiasan diri.

Selain itu, penyelidik juga telah mendapat maklumat daripada Kurator Jabatan Muzium Sarawak (JMS) serta bahan-bahan bacaan di Perpustakaan Negeri Sarawak berkaitan dengan maklumat lokasi kajian. Difahamkan, hasil daripada bacaan dan informasi JMS, lokasi yang dipilih ini merupakan salah sebuah lokasi yang memiliki adiguru sulaman Keringkam yang masih bergiat aktif dari zaman dahulu sehingga kini. Penyelidikan yang dijalankan akan melibatkan penyulam Keringkam dan juga mereka yang terlibat secara langsung atau tidak dengan sulaman tudung Keringkam.

Muzium Sarawak juga menjadi lokasi sasaran dalam menjalankan kajian lapangan. Khususnya Muzium Tekstil negeri Sarawak. Tujuan penyelidik untuk merujuk ke lokasi ini adalah untuk mendapatkan maklumat berbentuk rujukan buku dan penyelidikan lepas berkaitan dengan tujuan penyelidikan. Maklumat daripada kurator muzium sangat diperlukan. Kurator muzium juga telah memberi kebenaran untuk membuat kajian terhadap artifak dan membuat rakaman demonstrasi berkaitan dengan pengendalian penyimpanan artifak-artifak berbentuk tekstil di Muzium.



1.9.2. Limitasi Sampel Penyelidikan

Dari segi sampel kajian pula, penyelidik telah membuat batasan bagi sampel kajian. Sampel kajian merangkumi Selayah dan selendang Keringkam. Daripada hasil kajian rintis yang dijalankan, penyelidik telah mengumpul sebanyak 10 helai koleksi tekstil Keringkam. Tekstil Keringkam ini terdiri daripada Selayah dan selendang Keringkam. Kain Keringkam tersebut masing-masing berusia lebih 100 tahun yang lalu. Penyelidik diberi kebenaran untuk menggunakan kain tersebut daripada tokoh setempat Keringkam di Kuching.

Daripada 10 helai tekstil tersebut, hanya 5 helai tekstil Keringkam yang terdiri daripada Selayah dan selendang akan diketengahkan. Jumlah ini difikirkan wajar dengan alasan kesemua jenis Keringkam mempunyai struktur dan reka bentuk kain yang hampir sama. Namun, aspek motif dan struktur reka corak sahaja berbeza. Justeru, sasaran subjek kajian yang menjadi pilihan difikirkan menepati ciri-ciri untuk diketengahkan dalam kajian.

Di samping itu, penyelidik memilih lima sampel kajian ini adalah untuk menitikberatkan dari segi usia sampel itu sendiri. Tujuannya adalah untuk melihat apakah ragam hias yang terdapat pada sampel kajian yang berusia lebih ratusan tahun ke belakang. Aspek ragam hias ini merangkumi kepada motif dan reka corak yang terdapat pada sampel kajian. Penyelidik ingin menganalisis berkaitan dengan motif yang digunakan oleh masyarakat zaman dahulu untuk menghasilkan sulaman motif pada Selayah Keringkam.





Penyelidikan ini menumpukan subjek kajian sekitar awal tahun 1900 sehingga pada masa kini. Terdapat di antara sampel kajian sudah memiliki usia 100 tahun kebelakang kerana sulaman ini dihasilkan oleh ibu informan. Kerja-kerja sulaman Keringkam ini telah dimulakan sejak dari ibu mereka lagi.

Koleksi tekstil ibu mereka juga masih disimpan oleh informan dan dijadikan rujukan oleh penyelidik untuk sampel dalam penyelidikan. Selain itu, penyelidik juga memilih sampel kajian daripada tekstil yang dihasilkan oleh informan sendiri. Usia bagi sampel kajian yang dihasilkan oleh informan itu adalah sekitar usia enam tahun kebelakang.

Namun, kualiti bagi kedua-dua generasi ini memperlihatkan masih kekal berkualiti dan kukuh. Batasan waktu memperlihatkan produk Keringkam yang dihasilkan oleh masyarakat pada zaman dahulu. Selain itu, penyelidik juga ingin mengkaji berkaitan dengan penggunaan motif, struktur reka corak serta bahan yang digunakan oleh penyulam pada suatu ketika dahulu. Penyelidik mengambil kira usia sampel kajian adalah melihat perbandingan di antara motif dan reka corak.

Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan, penyelidik mendapati penghasilan produk Keringkam pada zaman dahulu mempunyai banyak perbezaan. Perbezaan paling utama adalah penggunaan bahan. Bahan yang digunakan oleh penyulam sebelum ini adalah kain yang mempunyai kualiti yang lebih tinggi. Bukan itu sahaja, ragam hias Keringkam itu sendiri diolah berdasarkan fungsi pengguna itu sendiri. Penyelidik juga akan mengkaji bagaimana adiguru atau penyulam zaman dahulu mengaplikasikan motif yang digunakan semasa penghasilan Keringkam.





Selain itu, sampel kajian ini juga turut terdiri daripada tekstil yang dihasilkan oleh masyarakat zaman dahulu. Selendang Keringkam dalam sampel kajian merupakan tekstil Keringkam yang dihasilkan oleh ibu informan iaitu Salbiah binti Muhi. Penyelidik memilih tekstil ini adalah melihat kepada aspek ragam hias yang dihasilkan oleh ibu mereka.

Pemilihan lima sampel kajian sudah mencukupi bagi penyelidikan ini. Penyelidik hanyalah melihat apakah aspek ragam hias yang terkandung pada Selayah Keringkam itu sendiri. Selain itu, penyelidik juga telah menganalisis dengan menggunakan beberapa teori dan pendekatan untuk menganalisis dapatan kajian yang berasaskan sampel kajian ini. Proses ini dihubungkaitkan dengan langkah-langkah untuk membuat kritikan seni dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.



1.9.3. Limitasi Informan Penyelidikan

Informan bermaksud orang yang memberi keterangan atau maklumat tentang sesuatu perkara (Kamus Dewan Edisi Keempat). Menurut Dini Rahmawati, informan merupakan orang yang dipilih dalam penyelidikan dan dapat memberikan maklumat mengenai keadaan dan latar belakang kajian. Informan juga mempunyai banyak pengalaman dan menjadi sukarelawan dalam memberikan maklumat walaupun secara tidak formal. Mereka memberi pandangan dari nilai, sikap, proses dan budaya di mana data yang diberikan akan dijadikan bahan kajian dan rujukan.

Penyelidik telah memilih seramai tiga orang informan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tujuan penyelidikan. Tiga orang informan ini telah melalui proses temu bual sepanjang kajian lapangan dijalankan. Penyelidik juga telah merujuk





kepada pihak Jabatan Muzium Negeri Sarawak untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan beberapa pihak yang boleh bekerjasama untuk bertemu bual sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Masing-masing informan mempunyai latar belakang yang berbeza.

Informan yang pertama merupakan salah seorang kurator muzium di Jabatan Muzium Negeri Sarawak (JMNS). Beliau juga merupakan pihak yang telah memberi kerjasama kepada responden untuk memperolehi maklumat-maklumat yang sah Berkaitan dengan kegiatan kerja-kerja sulaman Keringkam di negeri Sarawak. Pada masa yang sama, beliau telah memperkenalkan kepada beberapa tokoh setempat bagi bidang sulaman Keringkam di Kuching, Sarawak.

Informan pertama ini bernama Puan Norlailawati merupakan salah seorang kurator muzium di Jabatan Muzium Sarawak. Mempunyai pengalaman lebih sepuluh tahun dalam bidang kurator muzium ini. Perjumpaan bersama kurator ini telah membantu penyelidik dalam memperolehi maklumat serta data yang berkaitan dengan sejarah sulaman Keringkam.

Selain itu, pemilihan kurator muzium sebagai informan sasaran sangat penting dalam penyelidikan ini. Tujuannya adalah untuk mendapat pengesahan dan menjelak pihak yang pakar dalam bidang sulaman Keringkam. Selain itu, penyelidik juga memperolehi maklumat yang lebih mendalam berkaitan dengan sampel-sampel tekstil yang disimpan di Jabatan Muzium Sarawak. Termasuklah kaedah pengendalian simpanan artifak jenis tekstil ini.





Beliau juga mempunyai kefahaman berkaitan dengan sulaman Keringkam. Namun, beliau sendiri bukanlah memiliki kepakaran dalam penghasilan Selayah Keringkam. Penyelidik memilih informan ini adalah untuk mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan dengan pengetahuan yang bersejarah, dan pengetahuan akademik dalam bidang seni kraf sulaman Keringkam. Sebagai kurator juga, beliau telah berkongsi beberapa bahan rujukan dan artifak berkaitan dengan Selayah. Kesemua maklumat dan bahan diberi telah mendapat kebenaran terlebih dahulu sebelum penyelidik menjalankan kajian lapangan.

Selain itu, penyelidik juga telah memilih salah seorang penyelidik bebas sebagai informan penyelidikan. Informan kedua ini merupakan salah seorang individu yang bergiat aktif dalam penyelidikan berkaitan dengan bidang kraf. Beliau juga merupakan pakar akademik dan bertugas sebagai pensyarah di Institut Perguruan



Beliau juga pernah menjalankan penyelidikan berkaitan dengan seni kraf yang melibatkan dengan kerja-kerja sulaman benang emas. Berbeza dengan penyelidikan yang dijalankan ini yang berfokuskan kepada bidang Seni Kraf Tradisional dan Apresiasi dan Sejarah Seni Visual bagi topik Seni Sulaman dan Pakaian Tradisional dan Perhiasan Diri.

Tujuan penyelidik memilih Puan Suhana adalah untuk mengetahui berkaitan dengan pengetahuan dalam bidang Selayah Keringkam. Informan ini juga dapat memberi maklumat secara ilmiah berkaitan dengan Selayah Keringkam. Rujukan berbentuk ilmiah dan bahan bacaan tentang sulaman Keringkam masih lagi terhad penemuannya. Koleksi penyelidikan yang dihasilkan oleh beliau menjadi sumber rujukan. Kemudian, beliau dipilih sebagai informan adalah untuk mendapatkan





maklumat yang berdasarkan pengalaman beliau sepanjang menjalankan penyelidikan.

Informan ketiga merupakan informan yang berlatarbelakangkan sebagai tokoh setempat bagi bidang sulaman Keringkam. Informan ketiga bernama Puan Salbiah binti Muhi dan adiknya Cik Zainab binti Muhi. Pihak kurator muzium telah memperkenalkan penyelidik bersama dengan tokoh ini. Difahamkan informan ini telah dinobatkan sebagai tokoh setempat oleh salah sebuah agensi yang berkaitan dengan kebudayaan. Informan ini merupakan pasangan adik-beradik yang masih lagi bergiat aktif dalam menjalankan kerja-kerja sulaman Keringkam di kawasan Kuching.

Informan merupakan generasi kedua dalam mewarisi kerja-kerja sulaman Keringkam. Generasi pertama yang merupakan ibu mereka kemudian diwarisi oleh mereka pada masa kini. Informan ini dikategorikan sebagai penenun yang pakar dalam penyelidikan ini. Segala kepakaran berkaitan dengan tenunan sulaman Keringkam semestinya merujuk kepada informan yang ketiga. Keaslian ilmu yang dimiliki oleh mereka sangat penting dianalisis dan didokumentasikan.

Tujuan penyelidik memilih informan ini adalah merujuk kepada kepakaran beliau dalam kerja-kerja sulaman Keringkam. Pengetahuan berkaitan dengan alatan dan bahan serta proses dan teknik akan dikendalikan oleh informan yang ketiga ini. Mereka lebih pakar semasa menghujahkan tentang perkara berkaitan dengan proses dan teknik penghasilan Selayah Keringkam.





Kemudian, penyelidik juga telah diberi kebenaran untuk menggunakan tekstil peribadi mereka. Sebanyak lima helai tekstil peribadi informan ini dijadikan sebagai sampel kajian. Penyelidik telah diberi penerangan yang jelas dan terperinci berkaitan dengan ragam hias yang terdapat pada sampel kajian.

Setakat ini, difahamkan mereka pernah terlibat dalam dokumentasi secara dokumen dan penyiaran. Namun, penemuan penyelidikan yang berkaitan dengan sulaman Keringkam sangatlah terhad. Mereka berdua sangat mengharapkan lebih ramai generasi muda pada masa kini lebih gemar untuk menceburi bidang ini serta membantu memperkembangkan pengetahuan berkaitan dengan sulaman Keringkam.

Selain itu, mereka berdua memiliki kepakaran yang lebih lama dalam penghasilan seni kraf sulaman Keringkam. Bermula daripada bangku sekolah lagi mereka telah terlibat dalam menenun sulaman Keringkam. Difahamkan ilmu ini diturunkan daripada ibu mereka sendiri. Pada masa yang sama difahamkan mereka juga telibat dengan aktiviti jualan tekstil ini. Permintaan tekstil Selayah Keringkam pada masa tersebut sangat menggalakkan.

Secara tidak langsung mereka memang dibesarkan dalam kegiatan sulaman Keringkam. Sehingga kini, mereka masih mengekalkan keaslian teknik dan alatan bahan menenun yang digunakan oleh ibu mereka pada zaman dahulu. Tujuannya adalah untuk mengekalkan kualiti yang sama pada tekstil sulaman Keringkam untuk menghasilkan Selayah Keringkam.





Kenaikan harga pasaran bagi alatan dan bahan yang digunakan dalam penghasilan Selayah Keringkam tidak menjadi penghalang bagi mereka untuk mengekalkan kualiti tekstil tersebut. Malah ada pelanggan yang sanggup melaburkan wang demi mendapatkan sehelai tekstil Keringkam yang berkualiti.

Puan Salbiah serta adiknya Cik Zainab telah mendapat pengiktirafan berkaitan dengan gelaran tokoh setempat. Mereka bukan sahaja bergiat aktif untuk menjalankan penghasilan Selayah Keringkam untuk penjualan semata-mata. Malah turut terlibat dalam penyediaan tekstil Keringkam untuk pihak-pihak ternama serta melibatkan diri sebagai mendemonstrasikan atau membuat pertunjukkan cara menyulam sulaman Keringkam ke peringkat luar negara. Penglibatan tersebut menjadikan mereka lebih dikenali serta diiktiraf berjaya memperkenalkan khazanah negara dimata dunia.



sebagai langkah yang tepat dalam pengajian Pendidikan Seni Visual. Kita seharusnya, mengenali siapakah tokoh setempat yang mendapat pengiktirafan dalam bidang sulaman Keringkam. Di samping itu, kepakaran mereka dilihat sebagai suatu yang sangat bernilai dan asli untuk didokumentasikan. Pengumpulan maklumat daripada tokoh setempat ini merupakan sebagai suatu usaha membantu menyebarkan pengetahuan yang sangat penting dalam kalangan murid sekolah.

1.10 Kepentingan Penyelidikan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan dalam sistem pendidikan negara secara menyeluruh pada Oktober 2011. Pelan ini melakarkan visi sistem pendidikan dan aspirasi murid yang dapat memenuhi





keperluan negara pada masa depan. Terdapat 11 anjakan strategik dan operasi yang perlu dilaksanakan oleh kementerian bagi mencapai visi yang dihasratkan. Dalam penyelidikan ini, penyelidik merujuk kepada dokumen Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia sebagai rujukan untuk mewujudkan sesuatu usaha yang dapat diterapkan melalui penyelidikan ini kepada bidang pendidikan terutamanya mata pelajaran Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah.

Dalam kandungan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia turut memperkenalkan lima aspirasi sistem Pendidikan Malaysia. Antaranya ialah akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Penyelidik mengharapkan dengan adanya penyelidikan ini dapat memberi sumbangan dalam usaha merealisasikan aspirasi yang keempat dalam sistem pendidikan Malaysia iaitu aspek perpaduan. Merujuk kepada aspek perpaduan, ia merujuk kepada suatu usaha supaya murid dapat belajar memahami, menerima dan menghayati perbezaan dari segi latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik.

Terdapat sebelas anjakan utama untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Penyelidik melihat kepada kesesuaian tujuan penyelidikan ini dilakukan supaya dapat menjadi suatu usaha kepada anjakan transformasi sistem pendidikan negara yang telah diperkenalkan. Anjakan ketiga merupakan anjakan yang sesuai dihubungkaitkan dengan penyelidikan ini. Ia berkaitan dengan melahirkan rakyat yang menghayati nilai. Pembangunan warganegara yang global perlu diimbangi dengan pembangunan identiti nasional yang kukuh.



Setelah menerapkan anjakan ketiga ini, diharapkan nilai yang telah dipelajari akan diamalkan dalam kehidupan harian, yang seterusnya akan menghasilkan tingkah laku sivik seperti penerimaan individu berlainan bangsa, agama dan etnik. Penyelidikan ini menekankan suatu usaha dalam memperkenalkan bidang seni kraf yang dimiliki oleh kaum setempat. Maka dengan usaha ini dapat melahirkan pelajar sekolah memahami apakah jenis seni kraf tradisional yang terdapat pada sesebuah kaum setempat dalam kehidupan mereka.

Penerapan topik seni sulaman dan topik pakaian tradisional dan perhiasan diri yang terkandung dalam KSSM Tingkatan 2 dan 3 ini memberi pengukuhan kepada murid untuk mengetahui dan mengenali dengan lebih terperinci berkaitan dengan bidang ini. Penyelidikan dalam bidang ini juga mampu melestarikan lagi khazanah negara yang kian lupus pada masa kini.

Penyelidikan ini juga dijalankan untuk mengkaji ragam hias sulaman Keringkam. Keringkam merupakan sulaman yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Merujuk kepada permasalahan kajian, Keringkam mengalami pelbagai permasalahan di mana penyelidik perlu berusaha untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Antara permasalahan yang diteliti oleh penyelidik adalah pengeluaran produk Keringkam semakin berkurang. Hal ini disebabkan oleh kurangnya minat generasi muda pada masa kini menceburi dalam bidang perusahaan Keringkam ini. Selain itu, bahan bacaan berkaitan sulaman Keringkam ini juga agak terhad untuk dijadikan rujukan. Rujukan yang sedia ada mempunyai kandungan yang asas dan tidak lengkap.



1.10.1 Mengekalkan Tradisi Seni Sulaman Keringkam

Kraf tangan khususnya Keringkam ini merupakan satu aktiviti yang sangat penting bagi masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Hal ini kerana, pemakaian Keringkam ini hanyalah digunakan dan diperagakan oleh golongan bangsawan dan diraja sahaja. Aktiviti ini merupakan satu perusahaan keluarga yang diwarisi dari nenek moyang mereka. Mengikut sejarah tekstil, aktiviti ini merupakan sebuah aktiviti yang penting dalam kalangan pemerintah sebelumnya.

Tujuan mereka menceburi bidang ini adalah untuk kegunaan sendiri dan juga golongan istana sehingga menjadi suatu kemestian bagi wanita. Maka, perkara ini juga menunjukkan bahawa aktiviti kraf tangan khususnya bidang tekstil ini harus dipelajari dan sangat penting di Semenanjung Tanah Melayu pada masa itu (Norwani, 1994).



Semasa menjalankan kajian rintis, penyelidik turut menemu bual kurator di Jabatan Muzium Sarawak yang menyatakan bahawa perusahaan Keringkam pada masa kini semakin berkurangan. Hal ini disebabkan bilangan pengusaha sulaman Keringkam agak terhad dan pengeluaran produk Keringkam ini semakin berkurangan.

Generasi muda pada masa kini kurang menceburi dan memperkembangkan bidang ini. Justeru, dengan adanya kajian ini mampu memberi tunjuk ajar dan bahan rujukan untuk murid sekolah dalam subjek Pendidikan Seni Visual serta audien untuk mengetahui apa sebenarnya keistimewaan sulaman Keringkam menerusi kajian ragam hias ini. Sekali gus berusaha untuk mengekalkan seni sulaman Keringkam.





Dengan adanya kajian seperti ini, dapat diterapkan dalam diri murid sekolah terutamanya murid Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 bagi memastikan murid-murid tahu kewujudannya dan berbangga dengan warisan yang telah dihasilkan oleh nenek moyang mereka. Sulaman Keringkam yang merupakan hasil kraf yang popular dalam masyarakat Melayu di Kuching khasnya pada zaman dahulu.

1.10.2 Memperkayakan Teks Khazanah Budaya

Penyelidikan yang melibatkan hasil kraf masyarakat Melayu ini amatlah sesuai diterapkan dalam kalangan murid-murid di sekolah. Teks khazanah budaya berkaitan dengan seni sulaman Keringkam amatlah terhad penemuannya. Penyelidikan berkaitan dengan sulaman Keringkam ini termasuk dalam tajuk Seni Kraf Sulaman dan Pakaian Tradisional dan Perhiasan diri amatlah sesuai dimasukkan ke dalam

bahan rujukan kepada murid-murid di sekolah.

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



Sebagai bahan tambahan kepada mereka untuk mengenali dengan lebih terperinci berkaitan dengan sulaman Keringkam masyarakat Melayu di Kuching Sarawak. Berbanding dengan kandungan yang dimasukkan dalam buku teks PSV Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 bagi topik Seni Sulaman dan Pakaian Tradisional dan Perhiasan Diri hanya menyentuh perkara-perkara umum seperti masyarakat Melayu yang umum.

Penyelidikan yang dijalankan ini juga dapat menyumbang kepada proses meluaskan pengetahuan berkaitan Keringkam masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Hasil daripada proses pengumpulan data di perpustakaan mendapati bahawa sumber rujukan dan kajian mengenai ragam hias bagi sulaman Keringkam ini amat terhad.





Penyelidikan ini lebih tertumpu kepada bidang kraf lain seperti kraf batik dan songket. Sebagai contoh, buku berjudul Motif Alam dalam Batik dan songket Melayu oleh Haziyah Hussin (2009), buku ini memaparkan beberapa perkara yang merangkumi aspek latar belakang atau asal usul orang Melayu. Selain itu, maklumat teori dan praktikal dalam bidang reka tekstil tempatan terutamanya batik dan songket. Seterusnya buku ini mengupas berkaitan dengan maklumat yang komprehensif berkaitan dengan perkembangan motif batik dan songket tempatan.

Selain itu, penyelidik juga mendapati bahawa kajian mengenai ragam hias ini jarang dilakukan ke atas sulaman Keringkam. Kebanyakan kajian lepas yang dilakukan memberi tumpuan terhadap perbandingan, proses dan teknik serta pengaplikasian bahan dalam penghasilan sulaman Keringkam. Hal ini dapat dilihat menerusi kajian yang dijalankan oleh Muhammad Zakaria (2015) yang memfokuskan kepada aplikasi bahan dalam penghasilan Keringkam. Manakala kajian Suhana Sarkawi dan Norhayati Abd Rahman (2016) bertujuan untuk menjelaki kewujudan jenis sulaman kelingkan di Malaysia dan Indonesia.

Akhir sekali, apabila kajian ini dijalankan diharapkan dapat menambahkan bilangan bahan rujukan yang memberi tumpuan khusus kepada aspek ragam hias Keringkam masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak. Dalam penulisan kajian ini juga merangkumi kepada penerangan ciri-ciri Keringkam dengan lebih terperinci, pendedahan berkaitan dengan jenis-jenis motif serta struktur dan reka corak kain Keringkam dengan lebih mendalam.

